

20/05/2003

Bekas ratu Pesuruhjaya Tinggi Sri Lanka baru

KUALA LUMPUR: Bekas Ratu Cantik Puan Dunia, Rose Senanayake yang akan memulakan tugas barunya sebagai Pesuruhjaya Tinggi Sri Lanka ke Malaysia,

akan menemui pemimpin negara, termasuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Senanayake atau lebih popular dengan panggilan Rosy sepatutnya memulakan

tugas barunya di sini Rabu ini, tetapi akan hanya terbang ke ibu negara hujung minggu ini kerana masih ada urusan di Colombo.

Kaunselor Penerangan di pejabat Kedutaan Sri Lanka di sini, Ranga Kalansooriya, berkata Rosy yang menang takhta 'Mrs World' pada 1993 akan menemui Perdana Menteri dan beberapa pemimpin lain sebelum memulakan tugas

di negara ini.

"Tidak ada tarikh khusus secara rasmi bila beliau akan mula bertugas. Namun kedatangannya memang dinantikan kakitangan kami di sini. Beliau akan

datang bersama suaminya, Athula Senanawake dan tiga anak," katanya.

Rosy, 46 yang menceburi bidang perniagaan sejak 30 tahun lalu menggantikan Daya Liyanage yang menamatkan perkhidmatan ke negara ini.

Beliau memenangi gelaran Miss Sri Lanka 1980, Miss Asia 1981 dan Mrs World 1983. Malaysia pula bukan asing bagi Rosy kerana memenangi gelaran Miss Asia 1981 ketika ia diadakan di negara ini.

Beliau juga berkhidmat sebagai Duta Muhibbah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sejak 1998 dan sudah tiga kali dijemput Setiausaha Agungnya,

Kofi Annan ke ibu pejabat pertubuhan itu di New York.

Ini adalah kali pertama pejabat kedutaan Sri Lanka di sini diketuai seorang wanita tetapi Rosy bukan keseorangan kerana beberapa diplomat wanita turut mengetuai kedutaan masing-masing di Malaysia.

Antaranya termasuk Duta Amerika ke Malaysia, Marie T Huhtala; Duta Besar

India ke Malaysia, Veena Sikri; Duta Kanada ke Malaysia, Jean McCloskey dan Duta Kepulauan Fiji ke Malaysia, Adi Litia Samanunu Q T Cakobau.

Dianggarkan antara 50,000 dan 75,000 warga Malaysia keturunan Sri Lanka

yang kebanyakannya terdiri daripada golongan profesional, serta 2,000 ekspatriat dan antara 100 dan 200 pelajar negara itu di universiti tempatan.